



BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
Galeria PJH, Aras 6, Jalan P4W  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Pent 17/10

15-3-2020

Tel : 03-8888 3837  
Faks : 03-8888 2111

Ruj Kami: JPPKK.BAPP.600-8/2/1 (30)

Tarikh : 13 Mac 2020

PENGARAH  
POLITEKNIK MALAYSIA  
KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**PENANGGUHAN PENGANJURAN PROGRAM/ AKTIVITI PELAJAR BERIKUTAN  
WABAK COVID-19**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggesa agar semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*) ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK mengambil keputusan agar semua perhimpunan / aktiviti / program yang melibatkan pelajar dan/atau bersama orang ramai seperti dinyatakan di atas **DITANGGUHKAN** atas faktor keselamatan dan kesihatan sejajar dengan saranan pengurusan JPPKK yang telah dikeluarkan pada 12 Mac 2020.

4. Semua pelajar juga adalah diingatkan untuk menjaga kebersihan dan keselamatan masing-masing selama mana penularan wabak ini berlaku dan dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai COVID-19 melalui laman sesawang KKM.

Segala kerjasama daripada pihak YBrs. Dr./tuan/puan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI WAN MOHAMAD NASIR BIN WAN ABDUL RAHMAN)

Pengarah,

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN PEJABAT PENGARAH <b>DITERIMA</b> 15 MAR 2020	
En/Pn/Cik: 1. KUKK 2. TPA 3. TPBA 4. PET	Untuk Tindakan Kajian Makluman Simpanan

- Helaman kepd  
Benua

15/3



**PENANGGUHAN AKTIVITI / PROGRAM ANJURAN JABATAN PENDIDIKAN  
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI, POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
YANG MELIBATKAN PENYERTAAN YANG RAMAI EKORAN PENULARAN  
WABAK COVID-19**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi penularan COVID-19 seluruh dunia pada 11 Mac 2020, adalah di tahap PANDEMIK. Pada tarikh yang sama, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga menggesa agar semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (mass gathering) ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menggesa agar semua perhimpunan seperti yang dinyatakan di atas yang dianjurkan oleh Bahagian di JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti **DITANGGUHKAN** atas faktor keselamatan dan kesihatan.

Seluruh warga JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti adalah diingatkan untuk menjaga kebersihan dan keselamatan masing - masing selama mana penularan wabak ini berlaku dan dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai COVID-19 melalui laman sesawang KKM.

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)  
PUTRAJAYA**

**12 MAC 2020**